



1,000 pesakit kanser baharu setiap tahun di Pahang

Oleh [RoselanAb Malek](#) - Februari 18, 2023 @ 2:16pm
bhnews@bh.com.my



Orang ramai membuat pemeriksaan berkaitan penyakit kanser prostat pada program saringan kanser prostat di Hospital Bera. NSTP/Roselan Ab Malek

BERA: Lebih 1,000 pesakit kanser baharu dikesan di negeri ini setiap tahun dan daripada jumlah itu, 60 peratus atau 600 orang menghidap kanser tahap tiga dan tahap empat.

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Bahagian Perubatan), Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, Datuk Dr Wan Abdul Rahim Wan Muhammad, berkata ini termasuk kira-kira lapan daripada 10,000 individu lelaki yang berusia 50 tahun ke atas yang disaring disahkan mengidap penyakit kanser prostat.

"Sebab itu pentingnya pemeriksaan awal kepada orang lelaki terutama yang berusia 50 tahun ke atas. Tidak perlu tunggu sakit, tetapi pergi sahaja ke klinik kesihatan berdekatan.

"Hanya beberapa minit untuk melakukan pemeriksaan air kencing. Sekiranya ada sesuatu dikesan menerusi keputusan ujian itu, barulah individu terbabit perlu menjalani pemeriksaan seterusnya," katanya selepas Majlis Perasmian Program Saringan Kanser Prostat 2023 Peringkat Negeri Pahang, di Hospital Bera.

Program Saringan Kanser Prostat 2023 Peringkat Negeri Pahang dianjurkan oleh Jabatan Urologi HTAA dengan kerjasama Hospital Bera, Pejabat Kesihatan Daerah Bera, Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS), Sultan Ahmad Shah Medical Centre (SASMEC) dan University Islam Antarabangsa Malaysia (UIA).

Kempen itu adalah aktiviti tahunan Jabatan Urologi Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan yang dilaksanakan sejak tahun 2010.

Selama tempoh itu, ia dijalankan di 10 fasiliti di beberapa daerah dan Bera adalah destinasi ke-11.

Dr Wan Abdul Rahim berkata, menerusi kempen berterusan ini, lebih 2,000 peserta disaring dan hampir 50 peratus dikesan mempunyai penyakit berkait kelenjar prostat dengan sebilangannya dikesan menghadapi penyakit kanser prostat peringkat awal.

"Kumpulan sasaran bagi program ini adalah golongan lelaki berumur 50 dan ke atas yang mempunyai simptom kencing (lower urinary tract symptoms) serta lelaki berumur 40 tahun dan ke atas yang mempunyai sejarah kanser dalam keluarga.

"Antara objektif utama program ini adalah untuk mempromosi perkhidmatan urologi di Pahang, selain mewujudkan kesedaran mengenai penyakit prostat dan mempromosikan gaya hidup sihat," katanya.